

Tidak perlu pakatan ketenteraan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Asean tidak memerlukan sebarang perjanjian ketenteraan, sama ada perjanjian pelbagai hala atau pakatan pertahanan di rantau ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, negara Asean mempunyai hubungan pertahanan secara dua hala yang dianggap sudah memadai bagi mengendalikan

soal keselamatan di rantau ini.

"Oleh itu, tidak perlu kita adakan satu pakatan ketenteraan di rantau ini. Kita tidak percaya kepada pakatan pertahanan. Kita tidak percaya kepada perjanjian ketenteraan pelbagai hala," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-24 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

BH 20 JUL 1991

Sehubungan itu, menjawab pertanyaan, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak fikir Jepun perlu mempunyai sebarang tanggungjawab ketenteraan di rantau ini, termasuk cadangan negara itu menghantar pasukan pengaman tentera ke Kemboja.

"Tetapi sama ada kita suka atau tidak, kita harus memahami hakikat bahawa semua tindakan Jepun tetap mempunyai implikasi politik

walaupun ia hanyalah tindakan ekonomi," katanya.

Bagaimanapun, beliau tetap menegaskan bahawa Asean berpendapat kehadiran tentera Jepun tidak diperlukan di Asia Tenggara.

Mengenai pendirian Jepun terhadap Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia gembira negara itu kini lebih memahami konsep forum perdagangan itu.